



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 9 TAHUN 2019**

**PANDUAN PELAKSANAAN YURAN PENGAJIAN
PRASISWAZAH TEMPATAN UNTUK
ANAK STAF ANTARABANGSA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

29 Oktober 2019

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 3 (4)

29 Oktober 2019

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2019

PANDUAN PELAKSANAAN YURAN PENGAJIAN PRASISWAZAH TEMPATAN UNTUK ANAK STAF ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan yuran pengajian prasiswazah tempatan untuk anak staf antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar yuran ini telah diperakukan di dalam Mesyuarat Tetap Kewangan Bil 2/2019 (Kali Ke-49) pada 24 Mei 2019 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil 2/2019 (Kali Ke-49) yang telah bersidang pada 24 Mei 2019.
- 2.2 Kadar yuran ini adalah untuk menggalakkan staf antarabangsa untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian ijazah pertama di UMK. Walau bagaimanapun, yuran tersebut adalah tidak termasuk bayaran seperti *Processing Fee, Stamping of Personal Bond, Medical Check Up, Student Pass, Student Visa* atau mana-mana kos persediaan lain sebelum pendaftaran.
- 2.3 Kemudahan kadar ini juga turut terpakai sekiranya staf tersebut tidak lagi berkhidmat dengan Universiti. Pelajar tersebut boleh menikmati kemudahan ini sehingga pelajar tersebut menamatkan pengajian, ditamatkan pengajian atau menarik diri sebagai pelajar UMK.

3. PANDUAN PELAKSANAAN YURAN PENGAJIAN PRASISWAZAH TEMPATAN UNTUK ANAK STAF ANTARABANGSA

3.1 Panduan Pelaksanaan Yuran Pengajian Prasiswazah Tempatan Untuk Anak Staf Antarabangsa adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

4. PEMAKAIAN

4.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai kohort ambilan 2018/2019.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor

**PANDUAN PELAKSANAAN YURAN PENGAJIAN PRASISWAZAH
TEMPATAN UNTUK ANAK STAF ANTARABANGSA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PANDUAN PELAKSANAAN YURAN PENGAJIAN PRASISWAZAH TEMPATAN UNTUK ANAK STAF ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

Panduan ini disediakan bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelaksanaan yuran pengajian prasiswazah tempatan untuk anak staf antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

2. OBJEKTIF

Berikut ialah objektif pelaksanaan yuran pengajian prasiswazah tempatan untuk anak staf antarabangsa yang melanjutkan pengajian prasiswazah di UMK:

- 2.1 Menarik lebih ramai anak staf antarabangsa untuk melanjutkan pengajian ke UMK;
- 2.2 Menghargai sumbangan dan jasa staf antarabangsa yang berkhidmat di UMK;
- 2.3 Menjadikan UMK sebagai sebuah Universiti bertaraf "international-community friendly" sejajar dengan tema #universityforsociety;
- 2.4 Sebagai dorongan/insentif kepada para staf antarabangsa untuk mempromosikan peluang pendidikan di UMK kepada calon pelajar daripada negara asal mereka.

3. PELAKSANAAN

3.1 Kadar Yuran

3.1.1 Kadar yuran yang dikenakan kepada anak staf antarabangsa yang melanjutkan pengajian prasiswazah adalah kadar yuran pengajian prasiswazah tempatan.

3.1.2 Lain-lain yuran seperti yuran pemprosesan, *personal bond*, *stamping personal bond* pemeriksaan kesihatan, bayaran visa dan pas pelajar masih perlu ditanggung oleh anak staf antarabangsa tersebut.

3.1.3 Penguatkuasaan kadar yuran prasiswazah tempatan kepada anak staf antarabangsa bermula untuk kemasukan September Sesi 2018/2019;

3.1.4 Sekiranya staf antarabangsa tersebut telah tidak berkhidmat di UMK namun anak beliau telah mendaftar dan masih mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda di UMK, kemudahan kadar yuran pelajar tempatan dikekalkan kepada pelajar tersebut sehingga pelajar tersebut menamatkan pengajian atau menarik diri dari menjadi pelajar UMK atau ditamatkan pengajian.

3.1.5 Kemudahan ini hanya diberikan sekali kepada setiap anak staf antarabangsa UMK.

3.2 Permohonan

3.2.1 Kemudahan ini adalah terbuka kepada staf antarabangsa UMK yang sedang berkhidmat di UMK tanpa mengira tempoh dan status lantikan;

3.2.2 Staf antarabangsa hanya boleh membuat permohonan kemudahan yuran pengajian prasiswazah tempatan anak beliau setelah ditawarkan pengajian prasiswazah di UMK secara sepenuh masa dengan melengkapkan Borang Permohonan Yuran Pengajian Prasiswazah Tempatan Untuk Anak Staf Antarabangsa sepertimana di **Lampiran B** dan dilampirkan bersama:

- i. surat tawaran pengajian;
- ii. passport terkini pelajar tersebut (yang mengandungi maklumat diri pemegang passport).

3.2.3 Anak staf antarabangsa tersebut mestilah didaftarkan di dalam *Human Resource Management Information System* (HRMIS) UMK.

3.2.4 Setelah pihak Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA) mengesahkan kelayakan pelajar antarabangsa tersebut menikmati kemudahan yuran pengajian prasiswazah tempatan, pihak Bahagian Terimaan dan Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari akan menjana inbois yuran pengajian prasiswazah tempatan untuk pelajar antarabangsa tersebut.

3.2.5 Pemohonan mesti dibuat sebelum sesi pengajian bermula atau selewat-lewatnya sebelum semester pertama pengajian berakhir.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Panduan ini adalah berkuatkuasa pada kohort ambilan 2018/2019 dan ini membatalkan mana-mana panduan pelaksanaan yuran untuk anak staf antarabangsa sebelum ini.



UMK(B01.02.03)(47-19)

Pindaan 0

Tarikh Kuatkuasa : 12 September 2019

**PERMOHONAN YURAN PENGAJIAN PRASISWAZAH TEMPATAN UNTUK ANAK STAF ANTARABANGSA
APPLICATION FOR LOCAL UNDERGRADUATE FEES FOR INTERNATIONAL STAFF OFFSPRING**

BAHAGIAN A : UNTUK DIISI OLEH PEMOHON**SECTION A: TO BE FILLED BY APPLICANT**

Nama <i>Name</i>	:	No. Staf <i>Staff No.</i>	:
No. Pasport <i>Passport No.</i>	:	Tarikh Berkhidmat di UMK <i>Date of Service at UMK</i>	:
Jawatan <i>Position</i>	:	No. HP <i>Mobile No.</i>	:
Fakulti <i>Faculty</i>	:	Emel <i>Email</i>	:

MAKLUMAT ANAK YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN PRASISWAZAH DI UMK**INFORMATION OF OFFSPRING PURSUING UNDERGRADUATE PROGRAM AT UMK**

Nama Anak <i>Child's Name</i>	:	No. Pasport <i>Passport No.</i>	:
Umur <i>Age</i>	:	No. HP <i>Mobile No.</i>	:
Sesi Kemasukan <i>Admission Session</i>	:	Emel <i>Email</i>	:
Program <i>Programme</i>	:	No. Pelajar <i>Student No.</i>	:
Fakulti <i>Faculty</i>	:		

Saya dengan ini mengesahkan bahawa penama di atas merupakan anak saya yang akan melanjutkan pengajian prasiswazah di UMK. Oleh itu saya ingin memohon untuk kemudahan pembayaran yuran pengajian pelajar tempatan.

I hereby confirmed that the mentioned name above is my child who has been accepted to pursue undergraduate programme at UMK. Therefore I would like to apply for the undergraduate local fees facility.

Tandatangan <i>Signature</i>	:	Tarikh <i>Date</i>	:
---------------------------------	---	-----------------------	---

BAHAGIAN B : PENGESAHAN OLEH PEJABAT PENDAFTAR**SECTION B: CONFIRMATION BY REGISTRAR'S OFFICE**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pelajar di atas merupakan anak staf antarabangsa UMK.

I hereby confirmed that the student mentioned above is the child of the international staff.

Catatan <i>Remarks</i>	:
---------------------------	---

Tandatangan <i>Signature</i>	:	Tarikh <i>Date</i>	:
---------------------------------	---	-----------------------	---

Nama <i>Name</i>	:	Jawatan <i>Position</i>	:
---------------------	---	----------------------------	---

BAHAGIAN C : UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK (BPA)**SECTION C: FOR ACADEMIC ADMINISTRATION DIVISION'S USE**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pelajar di atas adalah pelajar antarabangsa sepenuh masa UMK dan merupakan anak staf antarabangsa UMK yang layak untuk kemudahan pembayaran yuran pengajian pelajar tempatan.

I hereby confirmed that the student mentioned above is the registered full time international student at UMK and is the child of UMK international staff which entitle for the undergraduate local fees facility.

Tandatangan <i>Signature</i>	:	Tarikh <i>Date</i>	:
---------------------------------	---	-----------------------	---

Nama <i>Name</i>	:	Jawatan <i>Position</i>	:
---------------------	---	----------------------------	---

BAHAGIAN D : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT BENDAHARI**SECTION D: FOR BURSAR'S OFFICE USE**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa inbois yuran pengajian prasiswazah tempatan telah dijana untuk pelajar ini.

I hereby confirmed that the undergraduate local fees invoice has been generated for this student.

Tandatangan <i>Signature</i>	:	Tarikh <i>Date</i>	:
---------------------------------	---	-----------------------	---

Nama <i>Name</i>	:	Jawatan <i>Position</i>	:
---------------------	---	----------------------------	---